



[Experts](#)

Tanggungjawab Warga UMPSA dalam memperkasakan SDG

26 December 2024

Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals (SDG)* merupakan terma yang sering kali didengari ketika ini. SDG yang dibangunkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) terdiri daripada 17 matlamat yang saling berkaitan dengan 169 sasaran, dibentuk dengan tujuan menyediakan pelan hala tuju global untuk kerajaan, perniagaan, dan masyarakat

untuk mencipta masa depan yang mampan.

Malaysia sebagai salah sebuah negara di bawah PBB telah secara aktif menerima SDG sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan negara yang dicerminkan dalam rancangan pembangunan jangka panjang negara, khususnya di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025).

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) sebagai salah satu universiti awam (UA) di Malaysia turut sama menyahut seruan kerajaan dalam memperkasakan SDG dalam rangka pembangunan universiti. Hari ini, UMPSA menyepadukan prinsip ini merentasi program akademik, operasi kampus, dan kerjasama penyelidikan yang mencerminkan komitmen jangka panjang UMPSA untuk memupuk kelestarian. Namun begitu, sebagai warga UMPSA, apakah tanggungjawab kita dalam memastikan matlamat UMPSA sejajar dengan pelaksanaan SDG di Malaysia?



Warga UMPSA memegang tanggungjawab bersama dalam melaksanakan prinsip kemampanan di dalam aktiviti akademik dan penyelidikan agar sejajar dengan objektif SDG. Ini bermula dengan penerapan kandungan kelestarian ke dalam silibus yang membolehkan pelajar memahami peranan SDG di peringkat nasional dan global.

Sumbangan penyelidik adalah penting dalam menerajui inisiatif penyelidikan yang menyumbang kepada kemampanan global. Sebagai contoh, projek yang menangani inovasi tenaga boleh diperbaharui, penyelesaian pengurusan sisa, dan strategi untuk mengurangkan kesan perubahan iklim adalah antara contoh penyelidikan yang sejajar dengan matlamat SDG. Pelajar, sebagai pemimpin masa depan, digalakkan untuk mengambil bahagian dalam penyelidikan ini melalui latihan amali, kerjasama industri, dan projek penglibatan komuniti. Peluang ini bukan sahaja memperdalam pemahaman tentang kemampanan tetapi juga memperkasakan mereka untuk menyumbang idea yang memberi manfaat kepada masyarakat. Pelajar juga memperoleh pengalaman praktikal yang berharga dan pandangan tentang cara amalan mampan boleh dilaksanakan di dunia sebenar.

Warga UMPSA juga boleh memainkan peranan penting dalam mempromosikan amalan hijau di kampus. Usaha ini bermula dengan tindakan individu untuk mengurangkan jejak alam sekitar seperti mengamalkan tabiat penggunaan mampan, mengamalkan pengasingan sisa yang berkesan, dan mengambil bahagian dalam inisiatif kitar semula. Amalan-amalan ini sejajar dengan SDG yang menekankan pengurusan sumber yang cekap dan pengurangan sisa.

UMPSA secara aktif menggalakkan penjimatan tenaga di dalam dan luar kampus. Warga UMPSA perlu menyahut seruan ini dengan melakukan amalan-amalan seperti mematikan peranti elektrik yang tidak digunakan, meminimumkan penggunaan kertas, dan mempromosikan alternatif digital untuk proses dokumentasi. Usaha ini menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah hijau dan menyokong peralihan kepada kampus rendah karbon. Melalui amalan-amalan ini, UMPSA membina budaya kelestarian dan memperkasakan warganya untuk bertindak sebagai penjaga alam sekitar.

Pelaksanaan prinsip SDG juga boleh dilaksanakan oleh warga UMPSA luar daripada kampus terutamanya kepada masyarakat setempat. UMPSA menggalakkan warganya untuk mengambil bahagian secara aktif dalam projek khidmat masyarakat yang bertujuan untuk menangani pelbagai masalah masyarakat seperti kemiskinan, jurang pendidikan, jurang kesihatan, dan kemerosotan alam sekitar. Inisiatif yang dipacu komuniti ini adalah penting dalam misi keseluruhan UMPSA untuk memupuk amalan mampan dan memperkasakan komuniti, memastikan kesan yang lebih luas daripada usaha universiti untuk mencapai matlamat SDG. Staf UMPSA boleh terlibat di dalam program komuniti sebagai mentor dan fasilitator, manakala pelajar UMPSA boleh mengambil bahagian dalam menggunakan kemahiran dan pengetahuan mereka untuk membantu masyarakat setempat. Secara keseluruhannya, inisiatif ini menunjukkan cara universiti boleh menyumbang kepada matlamat SDG dengan melibatkan pelajar, staf, dan komuniti setempat secara aktif dalam projek yang menangani isu sosial dan alam sekitar.

Mendidik dan meningkatkan kesedaran tentang SDG adalah penting kepada misi UMPSA untuk memupuk budaya kemampanan, di mana semua pihak berkepentingan memahami peranan mereka dalam mencapai objektif SDG. Warga UMPSA, memainkan peranan aktif dalam memacu kempen kesedaran ini, menyumbang kepakaran dan tenaga untuk memastikan mesej kemampanan sampai kepada komuniti kampus dan luar. Staf dan pelajar boleh terlibat dalam kempen sosial yang menggalakkan kelestarian. Kempen ini, sama ada melalui kempen kesedaran, pameran poster, jangkauan media sosial atau projek berasaskan komuniti, membantu membawa perhatian kepada isu kritikal seperti pemuliharaan sumber, pertanian lestari dan penggunaan beretika. Dengan mengambil bahagian dalam inisiatif sedemikian, warga UMPSA menunjukkan bagaimana pendidikan boleh memacu perubahan sosial, menggalakkan amalan mampan, dan memberi inspirasi kepada orang lain untuk mengambil tindakan yang sama.

Kesimpulannya, warga UMPSA memegang peranan penting dalam memperkasakan matlamat SDG melalui pengintegrasian prinsip kemampanan dalam aktiviti akademik, penyelidikan, dan kehidupan kampus. Melalui penyelidikan yang memfokuskan kepada isu global seperti perubahan iklim dan ketaksamaan, amalan hijau di kampus, dan penyertaan dalam projek komuniti, UMPSA tidak hanya menyumbang kepada matlamat SDG, tetapi juga mempersiapkan warganya untuk memainkan peranan aktif dalam pembangunan mampan di masa depan.



Dr. Mohd Shahril Abu Hanifah

Penulis ialah Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini adalah pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

E-mel : shahrilhanifah@umpsa.edu.my

- 158 views

[View PDF](#)